

BAB 1

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Bahasa Arab merupakan bahasa yang amat kaya dengan keindahan. Kekayaan ini menyebabkan proses penterjemahan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu agak sukar dan hasilnya kurang memuaskan. Muhammad Bukhari Lubis (1998: vii) menyatakan bahawa:

"Kajian yang pernah dijalankan membuktikan bahawa usaha penterjemahan begini, dari Bahasa Arab ke dalam Bahasa Melayu, usah dikenang sebaliknya sungguh jauh dari memuaskan".

Oleh itu, usaha penterjemahan dari bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu kadang-kadang membosankan dan akhirnya kurang diceburi sebagai kerjaya. Menurutnya lagi, kekurangan buku-buku rujukan (dalam konteks terjemahan Arab-Melayu) khususnya mengenai peraturan dan dasar penterjemahan memang sangat dirasai.

Ini dapat digambarkan melalui kenyataan beliau seperti berikut (Muhammad Bukhari Lubis 1998: vii):

"Apabila ditelusuri sejarah penerbitan buku bagi disiplin ini, ternyata inilah karya pertama di Malaysia walaupun dalam bentuk terjemahan dan adaptasi".

Sebenarnya, bahasa Arab merupakan sumber ilmu dan maklumat yang telah memainkan peranan yang penting di alam Melayu melalui aktiviti penterjemahan sejak zaman kesultanan Melayu Melaka hingga ke hari ini, terutamanya dalam bidang pendidikan tradisional, iaitu sekolah-sekolah pondok, surau-surau dan kelas-kelas al-Quran. (Norizah Ardi 2000: 978)

Fenomena tersebut telah terbukti berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Md. Sidin Ahmad Shah (2000:979), mendapati bahawa pada tahun 1884 kerajaan Islam Uthmaniah telah melantik seorang ulama' Melayu, iaitu *Al-Sheikh Ahmad Bin Muhammad Zain al-Faṭā’īy* sebagai penyelia dan penyunting percetakan kerajaan Mekah.

Al-Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Faṭā’īy, dan beberapa ulama' lain sepanjang perkhidmatan mereka, telah berjaya mengangkat martabat penulisan dan penggunaan bahasa Melayu melalui karya terjemahan yang berupa ayat-ayat al-Quran, hadis-hadis Nabi dan kitab-kitab daripada pelbagai bidang termasuk kitab “*Matan al-Jurrūmiyah*”, kitab “*Širāt al-Mustaqīm*” oleh *Nuruddin al-Ranīrīy*, kitab *Siyar al-Šāfi’īn Ilā Ibādati Rabbil ‘Ālamīn*” oleh *Abdul Samad al-Falimbānīy*, kitab “*al-Durrat-Nafīs*” oleh *Muhammad Nafīs Bin Idris al-Banjārīy*, Kitab “*Sabil al-Muhtadin*” oleh “*Muhammad Arshad Bin Abdullah al-Banjārīy*” dan kitab “*Maṭla’ al-Badrān Wa Majma’ al-Bahrān*” Oleh *Muhammad Bin Ismail Daud*. (Norizah Ardi 2000: 979).

Ini merupakan fakta yang kukuh terhadap usaha-usaha ulama' silam dalam menambah khazanah ilmu ke dalam bahasa Melayu, di samping dapat memasyhurkan

karya-karya Arab klasik yang bermutu di rantau ini. Sepatutnya usaha tersebut diteruskan dengan lebih giat lagi sehingga kini, namun apa yang berlaku adalah sebaliknya.

Jika tiada pihak yang memandang serius terhadap kepentingan penterjemahan, maka karya-karya agung Islam ini akan menjadi “*intan dan permata yang malap*” di perpustakaan-perpustakaan dan di institusi-institusi pengajian tinggi. Di sinilah pentingnya peranan yang dimainkan oleh penterjemah kerana hanya penterjemah sahaja yang boleh menggilap karya klasik itu sehingga ia bersinar dan hidup dalam dunia dan zaman yang serba moden. (Syed Nurul Akla Syed Abdullah 2000: 951)

Usaha untuk memulihkan penterjemahan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu mesti dipertingkatkan demi kepentingan ilmu dan agama Islam. Untuk itu, kajian-kajian yang berkaitan dengan penterjemahan perlu dibuat bagi menghasilkan dapatan-dapatan baru yang boleh digunakan oleh penterjemah-penterjemah. Antara kajian-kajian yang boleh dijalankan ialah kajian berkaitan analisis kesilapan dalam terjemahan. Kajian jenis ini agak banyak dilaksanakan di Malaysia, namun fokus kepada proses penterjemahan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu masih belum ditemui di sini. Justeru itu, kajian ini dianggap sangat sesuai dengan masanya.

1.1 Sebab-Sebab Pemilihan Tajuk

Aktiviti penterjemahan dalam bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu kurang diberi perhatian oleh pakar-pakar bahasa. Malahan aktiviti tersebut mungkin terbatas hanya di Dewan Bahasa dan Pustaka sahaja. Manakala penerbit-penerbit swasta kurang mengambil inisiatif terhadap aktiviti tersebut, apatah lagi jika ianya kurang memberi

pulangan yang menguntungkan dari segi komersial. Ekoran kekurangan kegiatan penterjemahan dalam bidang ini, maka kajian yang dibuat dalam bidang ini sangat jarang ditemui terutamanya kajian tentang analisis kesilapan dalam penterjemahan Arab-Melayu.

Menurut Syed Nurul Akla Syed Abdullah (2000:954), kajian yang dijalankan dalam disiplin terjemahan Arab-Melayu mendapati hampir 600 judul buku bahasa Arab dalam pelbagai bidang telah diterjemahkan. Namun sepanjang abad ke-20 ini hanya ada sebuah buku sahaja yang membincangkan mengenai teori, pendekatan, peraturan dan dasar dalam disiplin terjemahan Arab-Melayu yang berjudul “*Penerjemahan Arab-Melayu: Peraturan dan Dasar*” oleh Muhammad Bukhari Lubis (1998) walaupun ia dalam bentuk terjemahan dan diubahsuai daripada buku karangan “*'Abdul 'Alīm Sayyid Minsā dan 'Abdullāh 'Abd. Rāziq Ibrāhīm*”.

Walau bagaimanapun, penulis beranggapan bahawa kajian berkaitan analisis kesilapan penterjemahan perlu dilaksanakan sejak dahulu lagi kerana kajian seumpama ini agak banyak dijalankan dalam bidang lain khususnya dalam bidang Penterjemahan Inggeris-Melayu seperti yang dikaji oleh Koh Boh Boon (1985:290).

Sepanjang penelitian yang telah dijalankan di Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya, penulis belum mendapati kajian tentang Analisis Kesilapan dalam Penterjemahan teks bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu yang dijalankan setakat ini.

Hal ini penting, kerana ia dapat membantu pihak-pihak terbabit dalam menggiatkan aktiviti penterjemahan, di samping mengambil kira jenis-jenis kesilapan

yang mungkin dilakukan oleh penterjemah. Justeru itu, kajian ini dianggap sesuai dengan keperluan dalam aktiviti penterjemahan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Berdasarkan fakta-fakta di atas, penulis tertarik untuk memilih tajuk ini sebagai sampel kajian.

1.2 Kepentingan Kajian

Memang tidak boleh dinafikan bahawa bidang penterjemahan telah banyak memainkan peranan yang penting terutamanya di dalam mempertingkatkan khazanah ilmu dan memartabatkan bahasa sesuatu bangsa. Hal ini telah ditegaskan oleh Azizah Mokhzani (1985: 247).

Menurut beliau, bidang penterjemahan mampu memainkan peranan yang sangat besar ke arah pembangunan sesebuah negara. Peranan tersebut dapat dirumuskan seperti berikut:

- i. Penterjemahan memainkan peranan dalam sejarah perkembangan bahasa-bahasa dunia.
- ii. Penterjemahan berperanan dalam memodenkan dan meluaskan penggunaan bahasa Melayu.
- iii. Penterjemahan memainkan peranan di dalam memperkembangkan bentuk bahasa Melayu sehingga ia menjadi moden dan setaraf dengan bahasa-bahasa lain di dunia.

Dalam bidang terjemahan Arab-Melayu peranan seperti di atas turut dirasai. Ini adalah kerana bahasa Arab mempunyai pengaruh yang besar terhadap bahasa-bahasa di negara-negara seperti *Bangladesh, India, Indonesia, Iran, Nigeria, Pakistan, Filipina, Somalia, Turki*, beberapa republik *di Kesatuan Soviet* dan negara-negara lain yang terdapat masyarakat Islam di dalamnya (Mc Athur 1992: 78).

Menurut Azizah Mokhzani (1985:254) bahasa Arab telah mempengaruhi bahasa Melayu dalam penggunaan penanda wacana seperti *dengan, pada, bagi, akan, bahawasanya* dan lain-lain melalui proses penterjemahan teks-teks bahasa Arab (*al-Qurān, al-Hadis, kitab-kitab agama*) ke dalam bahasa Melayu.

1.3 Objektif Kajian

Kajian Analisis Kesilapan dalam penterjemahan teks bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab dijalankan dengan tujuan untuk :-

- i. Mengenal pasti jenis-jenis kesilapan dalam proses penterjemahan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu.
- ii. Mengenal pasti kekerapan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar universiti tempatan dari Kuliah Ilmu Wahyu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (KIWUIAM), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM) dan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (FPIUKM).
- iii. Mengkaji perbandingan kategori kesilapan bahasa, kesilapan penggunaan

Penanda Wacana dan kesilapan teknik yang dilakukan dalam penterjemahan teks antara pelajar-pelajar.

- iv. Mengkaji perbandingan kategori kesilapan, iaitu kesilapan bahasa, kesilapan penggunaan Penanda Wacana dan kesilapan teknik dalam penterjemahan antara teks-teks yang dipilih.
- v. Mengkaji perbezaan kekerapan kesilapan penterjemahan yang dikenalpasti antara ketiga-tiga golongan pelajar dari universiti-universiti tersebut.
- vi. Mengkaji perbandingan bentuk-bentuk kesilapan yang kerap dilakukan dalam proses penterjemahan Arab-Melayu.
- vii. Menghasilkan sebahagian panduan penterjemahan daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu berdasarkan Analisis Kesilapan yang dijalankan.
- viii. Mengenal pasti tahap penguasaan bahasa Arab para pelajar universiti dan kemahiran mereka menterjemah teks-teks bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu.
- ix. Menilai aspek-aspek kelemahan yang utama di kalangan para pelajar universiti tertentu dalam proses penterjemahan Arab-Melayu.

1.4 Bidang Kajian

Pada asasnya, bidang kajian ini adalah kajian berkaitan dengan penterjemahan

Arab-Melayu. Walau bagaimanapun, fokus utama kajian ini adalah tertumpu kepada analisis terhadap kesilapan-kesilapan yang terdapat dalam teks terjemahan Arab-Melayu. Ini adalah kerana bidang kajian seumpama ini amat jarang ditemui, sedangkan ia sangat berguna dalam kajian-kajian bahasa dan linguistik.

1.5 Batasan Kajian

Analisis kesilapan dalam kajian ini memfokuskan kepada kesilapan dalam penterjemahan teks-teks bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Dalam kajian ini, Analisis Kesilapan dijalankan bagi mengenalpasti kekerapan bentuk-bentuk kesilapan yang wujud dalam teks-teks terjemahan. Ini bermaksud, ayat-ayat dalam teks-teks terjemahan perlu dianalisis satu persatu untuk mengenalpasti kategori kesilapan yang sering berlaku dalam penterjemahan teks bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Di samping itu, kesilapan-kesilapan tersebut turut dikategorikan mengikut kategori kesilapan yang telah ditentukan.

Tumpuan teks terjemahan yang difokuskan dalam kajian ini hanya terhad kepada tiga jenis teks sahaja, tetapi mempunyai ciri dan gaya penulisan bahasa Arab yang berbeza di antara satu sama lain. Teks-teks tersebut adalah seperti berikut:

Teks Pertama:

Teks ini bertajuk “*Āfāq al-Mustaqbil* آفاق المستقبل ”. Ia merupakan teks yang diambil dari buku “*al-Lughah al-Arabiah al-Ittiṣāliyah Li al-Sanah al-Khamisah*”

terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka DBP (1997). Teks ini dipilih berdasarkan kepada gaya penulisannya yang bersifat penulisan kreatif (*cerpin*). Ia mengandungi unsur-unsur sastera seperti sensitiviti, imiginasi, rentak, irama yang menggambarkan suka duka, harapan, doa, kritikan, renungan terhadap kehidupan masyarakat, perjuangan, nilai kemanusiaan, gaya bahasa yang berseni dan moral yang bersifat tersirat. (Mohd. Ali Bin Bachik 89:ix)

Teks kedua:

Teks yang kedua ini merupakan rencana pendek dalam bidang pendidikan yang bertajuk “*Man Sāra Alā al-Darbi Waṣala* ”. Teks ini dipilih berdasarkan ciri penulisannya yang bersifat diskriptif (rencana, berita, laporan dan fakta). Dalam teks ini terdapat banyak istilah-istilah khusus yang berkaitan dengan pendidikan digunakan. Sementara itu, gaya penulisan dalam teks ini adalah ringkas, tepat, padat dan mudah difahami, manakala bahasa yang digunakan tidak berseni dan tidak berbentuk khayalan. Teks ini diambil daripada buku “*al-Lughah al-‘Arabiah al-Ittiṣāliyah Li al-Sanah al-Khamisah*” terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka DBP(1997).

Teks Ketiga:

Teks ketiga ini bertajuk “*Hijrah al-Ḥayawānāti ‘Ijazun Ilāhiyyun* ”. Ia diambil daripada majalah “*al-Syarqu al-Awsat* ” bilangan 6712 yang dimuatkan dalam buku “*al-Lughah al-‘Arabiah al-Ittiṣāliyah Li al-Sanah al-*

Khāmisah" terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka DBP (1997). Teks ini dipilih kerana ciri dan gaya penulisan yang terdapat dalam teks ini lebih bersifat penulisan rencana mengenai geografi (kajian tempatan). Dalam teks ini, istilah-istilah geografi seperti nama-nama haiwan dan tempat banyak digunakan.

Ketiga-tiga teks telah memaparkan bentuk-bentuk bahasa yang berlainan antara satu sama lain. Hal ini merupakan perkara yang dapat memperlihatkan kemampuan sebenar para pelajar menterjemahkan teks yang berlainan sifatnya. Ini adalah kerana setiap teks akan membawa cabaran yang tersendiri berlatarbelakangkan bidang-bidang yang terdapat dalam penulisan. Selain daripada itu, teks-teks ini dipilih kerana bahasa Arab yang digunakan di dalam ketiga-tiga teks bersesuaian dengan pelajar-pelajar universiti. Dalam erti kata lain, teks ini tidak terlalu sukar dan tidak terlalu mudah. Hal ini membolehkan kajian yang dijalankan menghasilkan dapatan yang berkesan dan terperinci sesuai dengan objektif kajian ini yang mahu melihat sejauh mana teori, dasar dan peraturan dalam terjemahan diterapkan ketika proses penterjemahan dijalankan.

1.6 Metodologi Kajian

Umumnya, kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan kaedah lapangan (*field work*). Ini bermakna penulis perlu merujuk kepada buku-buku terpilih dan juga bertemu dengan pelajar-pelajar untuk mendapatkan maklumat bahan-bahan terjemahan (*teks terjemahan daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu*).

Seterusnya, maklumat bahan-bahan terjemahan dianalisis berdasarkan teori kesilapan yang dimajukan oleh pakar bidang Analisis Kesilapan, iaitu S.P Coder dalam Richards I.C (1974: 166). Antara kaedah-kaedah yang dijalankan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1.6.1 Pengumpulan data

Kajian ini dilakukan berdasarkan kepada pengumpulan teks-teks terjemahan bahasa Arab yang diberikan kepada 60 orang pelajar daripada 3 buah universiti tempatan yang menjadi sampel kajian. Teks-teks tersebut dinilai satu persatu berdasarkan kepada tiga bentuk kategori kesilapan yang telah dirangka oleh penulis dalam menganalisis kesilapan-kesilapan dalam penterjemahan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar berkenaan.

Melalui penelitian terhadap kesilapan-kesilapan penterjemahan ini, maka pelbagai kesilapan dalam berbagai-bagai kategori itu telah dapat dikenalpasti dengan jelas dan dapat dibuat perbandingan antara para pelajar daripada ketiga-tiga buah universiti tersebut.

1.6.2 Analisis Data

Teks-teks terjemahan yang telah dikumpul dan dikenalpasti kesilapan-kesilapan daripada berbagai kategori itu akan dianalisis dari pelbagai aspek dan dikira peratusannya dalam beberapa jadual yang dikemukakan. Manakala peratusan yang terhasil itu adalah berdasarkan kepada bilangan pelajar yang melakukan kesilapan dalam berbagai-bagai kategori yang telah dibina oleh penulis.

Di samping itu, penulis juga menganalisis perbandingan jenis-jenis kesilapan antara ketiga-tiga teks yang dipilih serta membuat perbandingan terhadap jenis-jenis kesilapan penterjemahan antara ketiga-tiga pelajar universiti tersebut. Kesemua dapatan kajian yang dihasilkan itu, dapat membantu penulis menghasilkan kesimpulan dan rumusan di akhir bab kajian ini. Data-data yang diperolehi akan dianalisis berdasarkan kategori-kategori kesilapan seperti Kesilapan Bahasa dalam penterjemahan. Kategori kesilapan ini mengandungi kesilapan ejaan, kesilapan penggunaan kata, kesilapan struktur frasa kerja pasif, kesilapan struktur frasa kerja transitif/tak transitif dan kesilapan struktur ayat.

Kategori kesilapan seterusnya yang digunakan untuk menganalisis data-data yang diperolehi ialah kesilapan penggunaan Penanda Wacana dalam penterjemahan yang mengandungi kesilapan penggunaan penanda wacana dengan maksud tambahan (additive), kesilapan penggunaan penanda wacana dengan maksud lawanan (adversative), kesilapan penggunaan penanda wacana dengan maksud sebab dan akibat (causal) dan kesilapan penggunaan penanda wacana dengan maksud masa (temporal).

Sementara itu, Kesilapan Teknik dalam penterjemahan bahasa Arab juga merupakan kategori kesilapan yang digunakan untuk menganalisis data-data yang terkumpul. Ia mengandungi kesilapan pada padanan kata yang tidak tepat, kesilapan penggunaan istilah khusus yang tidak tepat, kesilapan menterjemah frasa idiomatik, kesilapan menterjemah frasa makna nahu dan kesilapan meringkas, membuang, memendekkan ayat dan membuat keterangan yang berbelit- belit.

1.6.3 Sampel kajian

Sampel kajian terdiri daripada enam puluh orang pelajar dari tiga buah universiti tempatan, iaitu dua puluh orang dari Kuliah Ilmu Wahyu Dan Tamaddun Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (KIWIUM), dua puluh orang dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM) dan dua puluh orang dari Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (FPIUKM). Sampel yang dipilih adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tahun akhir bagi setiap universiti.

Kesemua sampel diberi masa satu bulan untuk menterjemahkan ketiga-tiga teks. Ini bermakna sebanyak 180 teks terjemahan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu telah diterima. Sepanjang proses penterjemahan mereka dibenarkan untuk membuat rujukan terhadap apa sahaja yang dirasakan perlu seperti merujuk kamus-kamus tertentu dan glosari istilah.

1.7 Tinjauan Terhadap Kajian Lampau

Kajian berkaitan dengan Analisis Kesilapan dalam penterjemahan teks bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu amat jarang ditemui. Ini adalah kerana, kebanyakan kajian dan penulisan yang ditemui dalam bidang penterjemahan Arab-Melayu hanya membincangkan kaedah, cara, dasar dan masalah dalam penterjemahan. Walau bagaimanapun, dalam bahagian ini penulis akan mengenangkan kajian-kajian yang berkaitan dengan kajian ini seperti kajian Analisis Kesilapan dalam bahasa Arab dan kajian penterjemahan Arab-Melayu.

1.7.1 Kajian Analisis Kesilapan Dalam Bahasa Arab

Sebuah kajian yang bertajuk “*An Error Analysis of the Arabic Verb Phrase: A case Study of The Writing Of Fourth Year Stream Students At Kuala Lumpur National Religious Secondary School*” telah dikemukakan oleh Jassem, J.A. (1998) kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai tesis peringkat doktor falsafah (Ph.D). Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti bentuk-bentuk kesilapan frasa kerja bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu, mengenalpasti kaedah yang sesuai dalam pengajaran nahu bagi pelajar-pelajar Melayu, membantu pelajar-pelajar Melayu mempelajari bahasa Arab dengan lebih berkesan berdasarkan kesilapan yang sering dilakukan oleh para pelajar dan membantu guru-guru bahasa Arab membina sukanan dan teknik pembelajaran yang dapat menyelesaikan kelemahan para pelajar.

Data-data dalam kajian ini berupa karangan pelajar-pelajar tingkatan empat dan lima yang telah diambil dari Sekolah Menengah Agama Kuala Lumpur (SMAKL) seramai lima puluh empat orang dari pelbagai negeri. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa pelajar-pelajar telah melakukan kesilapan dengan jumlah yang besar, iaitu sebanyak 3088 kesilapan dalam penggunaan kata kerja kala lampau, kala kini dan kata kerja suruhan. Sebahagaian besar kesilapan ialah penggunaan frasa kerja kala kini dan kala lampau.

Terdapat satu kajian yang lebih kurang sama dengan kajian di atas, iaitu sebuah kajian yang dikemukakan kepada Universiti Malaya peringkat Ijazah Kedoktoran (Ph.D) oleh Abdalla A.E. 1996 bertajuk “*An error Analysis Of The Written Arabic Of Malay Students*”. Kajian ini telah menganalisis 200 karangan bahasa Arab yang ditulis oleh 100

orang pelajar Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) secara bebas. Dapatan kajian menunjukkan para pelajar-pelajar telah melakukan 2233 kesilapan yang merangkumi pelbagai kategori kesilapan dalam kajan ini.

Selain itu, Sulaiman Ismail (1997) telah mengemukakan sebuah tesis Sarjana Pengajian Bahasa Moden kepada Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya bertajuk “*Analisis Kesilapan Frasa Adjektif Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Melayu*”. Tesis ini menggunakan kaedah soal-selidik, ujian bertulis, pemerhatian dan temubual. Soal-selidik dijalankan untuk mengetahui maklumat dan latarbelakang subjek kajian, manakala ujian bertulis pula dapat membantu pengkaji mengenalpasti tahap keupayaan linguistik seseorang pelajar itu. Kajian ini telah dijalankan ke atas lapan puluh lapan orang pelajar daripada empat buah kelas KIBAPBIKIP (Kursus Intensif Bahasa Arab Pusat Bahasa Arab Institut Kemajuan Ikhtisas Pahang). Ia juga bertujuan untuk mengkaji dan memaparkan bentuk-bentuk penggunaan kata nama dan kata nama adjektif (kata sifat) bahasa Arab, menentukan dan mengkelaskan jenis dan bentuk kesilapan kata nama dan kata nama adjektif (kata sifat) bahasa Arab dalam bentuk frasa di kalangan pelajar Melayu dan mengenalpasti faktor gangguan bahasa ibunda dalam pembelajaran bahasa kedua.

1.7.2 Kajian Penterjemahan Arab-Melayu.

Sebuah kajian yang berupa disertasi peringkat Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden telah dibuat oleh Abdul Hadi Abdullah (1998) di Universiti Malaya yang bertajuk “*Kajian Makna Dalam Penterjemahan*”. Kajian ini telah mengengahkan definisi penterjemahan, menghuraikan teori-teori penterjemahan dan menjelaskan makna-makna

dalam penterjemahan seperti makna figuratif, makna denotasi, makna konotasi, makna idiomatik dan sebagainya.

Di samping kajian di atas, terdapat satu kajian yang mengkaji penggunaan penanda wacana dalam terjemahan Arab-Melayu. Kajian ini merupakan disertasi peringkat Sarjana Pengajian Bahasa Moden yang dikemukakan oleh Muhammad Fauzi Jumingan (1999) kepada Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Ia juga merupakan kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ketujuh (1999). Kertas kerja ini bertajuk “*Penanda Wacana dalam Terjemahan Arab-Melayu: Satu Analisis Ketenunan Teks*”. Kajian ini bertujuan melihat ketelitian dan penyusunan idea dalam bidang Terjemahan Arab-Melayu, mengenalpasti penanda wacana yang menjadi ciri ketelitian sesuatu teks dan wacana. Analisis dibuat berdasarkan kekerapan penggunaannya dan mencari pendekatan yang sesuai dan sejajar bagi penanda wacana yang agak sukar diterjemahkan berdasarkan kaedah nahu bahasa Melayu.

Selain itu, terdapat kajian lain yang cuba mengaitkan faktor leksiko-budaya (hubungan perbendaharaan kata sesuatu bahasa dengan sebuah cara hidup atau budaya) dalam terjemahan Arab-Melayu. Kajian ini bertajuk “*Faktor Leksiko-Budaya Dalam Penterjemahan Karya Reḥlah Ibn Baṭūṭah*” oleh Syed Nurul Akla Syed Abdullah. Ia juga berbentuk sebuah kertas kerja yang telah dibentangkan dalam Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ketujuh pada 6-8 Disember 1999. Ia juga bertujuan mendedahkan pengalaman penulis menterjemahkan karya agung Islam dalam bidang pengembalaan. Karya ini merupakan sebuah karya yang istimewa bagi masyarakat Arab khususnya di Afrika Utara. Ini adalah kerana, ia telah diterjemahkan ke dalam berbagai bahasa termasuk Perancis, Jerman, Portugis, Inggeris, Urdu dan sebagainya. Di samping itu,

kajian ini juga bertujuan untuk melihat bagaimana bahasa Melayu moden mampu memindahkan karya pengembalaan klasik pada kurun keempat belas masihi yang sekarang ini berusia lebih daripada enam ratus tahun. Seterusnya penulis juga telah mengemukakan contoh-contoh terjemahan dan analisis ayat-ayat yang mengandungi faktor-faktor Leksiko-Budaya yang menyebabkan teks amat sukar diterjemahkan secara terus.

1.8 Rangka Kajian

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Dalam bab pertama, penulis akan membincangkan dasar-dasar penulisan disertasi ini dimulai dengan pendahuluan dan kemudian diikuti oleh sebab-sebab pemilihan tajuk, kepentingan kajian, objektif kajian, bidang dan batasan kajian yang menghadkan ruang lingkup dan aspek-aspek yang hendak dikaji dalam topik-topik yang berasingan serta metodologi kajian. Kajian-kajian lampau yang berkaitan dengan tajuk disertasi ini juga turut dinyatakan dalam bab ini. Seterusnya bab ini diakhiri dengan rangka kajian yang akan dijalankan.

Dalam bab kedua, penulis cuba mengenengahkan pelbagai aspek yang berkaitan dengan penterjemahan. Bab kedua ini dimulai dengan pendahuluan yang menerangkan definisi dan konsep penterjemahan. Kemudian disusuli pula dengan pelbagai teori penterjemahan yang terhasil daripada pengalaman pakar-pakar dalam bidang ini. Selain itu, bab ini juga memuatkan beberapa proses dan strategi penterjemahan yang biasa diamalkan. Senario Penterjemahan Bahasa Arab ke dalam Bahasa Melayu di Malaysia juga turut dibincangkan dalam bab ini.

Sementara itu dalam bab tiga pula, penulis telah mengkategorikan kesilapan-kesilapan penterjemahan dalam terjemahan teks bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu berdasarkan kajian-kajian yang dibuat oleh pakar-pakar bahasa. Bab ini telah dimulakan dengan pendahuluan kemudian diikuti pula oleh kategori kesilapan bahasa dalam terjemahan seperti kesilapan ejaan, kesilapan penggunaan kata, kesilapan struktur frasa kerja pasif, kesilapan struktur frasa kerja transitif dan kesilapan struktur ayat. Seterusnya diikuti oleh kategori kesilapan penggunaan penanda wacana dan kesilapan teknik.

Bab keempat pula akan membincangkan dapatan kajian yang diperolehi melalui teks-teks terjemahan Arab-Melayu semasa proses penterjemahan dijalankan. Bab ini dimulakan dengan pendahuluan dan diikuti dengan Analisis Bentuk-Bentuk Kesilapan Penterjemahan Bahasa Arab Ke Dalam Bahasa Melayu. Kemudian diikuti dengan Perbandingan Kategori Kesilapan Dalam Penterjemahan Antara Teks, dan Perbandingan Kategori Kesilapan Penterjemahan Antara Pelajar-Pelajar Universiti. Bahagian ini mempunyai beberapa sub topik, seperti yang tercatat dalam senarai kandungan. Seterusnya bab ini diakhiri dengan penutup.

Bab kelima pula, dimulakan dengan pendahuluan dan diikuti oleh huraian terhadap Faktor-Faktor Kelemahan Pelajar Universiti Dalam Penterjemahan Arab-Melayu. Ia telah dimulakan dengan Faktor Kelemahan Memahami Teks-Teks Bahasa Arab. Disusuli dengan Faktor Kelemahan Menggunakan Bahasa Malaysia Baku Dalam Penulisan-Penulisan Ilmiah kemudian Faktor Kelemahan Terhadap Penggunaan Teknik-Teknik Penterjemahan Di Kalangan Pelajar, Mempunyai Latar Belakang Ilmiah Yang Terhad Dalam Bidang-Bidang Yang Hendak Diterjemahkan dan lain-lainnya.

Segala perbincangan dalam kajian ini akan disimpulkan dalam bab enam. Ia dimulakan dengan pendahuluan, diikuti dengan Rumusan kajian dan Perbincangan Dapatan Kajian. Seterusnya bab ini juga mengemukakan cadangan untuk kajian lanjutan yang berkaitan dengan bidang ini dalam segmen Cadangan Kajian Lanjutan dan diikuti oleh Penutup.

1.9 Penutup

Sesuguhnya kajian ini merupakan sebahagian khazanah kajian dalam bidang penterjemahan khususnya bidang penterjemahan teks-teks Arab ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini juga mampu merangsang kegiatan penterjemahan Arab-Melayu dengan lebih aktif lagi, di samping meningkatkan mutu karya-karya terjemahan selaras dengan tujuannya untuk memindahkan dan menyebarkan maklumat, ilmu dan pengetahuan khasnya tentang Islam.

Justeru itu, kajian tentang Analisis Kesilapan dalam terjemahan Arab-Melayu perlu dikembangkan demi memenuhi keperluan panduan penterjemahan dari bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu.